UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

**HKN 305 - Fiksyen Melayu Moden**

**Tarikh:** 11 April 1987 **Masa:** 9.00 pagi - 12.00 tgh.
( 3 jam )

---

Jawab **EMPAT(4)** soalan.

PERHATIAN; Pembicaraan anda hendaklah berdasarkan novel yang berlainan bagi setiap soalan (Soalan 1 - 7).

1. Aliran realisme dan naturalisme lebih mementingkan kebenaran dan keindahan alam. Huraikan kenyataan tersebut berdasarkan salah sebuah novel Melayu Malaysia yang dikarang pada tahun 1960-an.

2. Tunjukkan pengaruh aliran **absurd** di dalam novel-novel Melayu Malaysia/Indonesia berdasarkan novel yang anda kaji.

3. A. Samad Said merupakan seorang novelis Malaysia yang suka mempersoalkan masalah peperangan. Bincangkan kenyataan itu berdasarkan beberapa buah novelnya.

4. Pilih sebuah novel Melayu Malaysia dan sebuah novel Indonesia, bandingkan dari aspek penggunaan latar atau setting.

5. Bincangkan penggunaan imej manusia oleh pengarang-pengarang Melayu di dalam novel mereka.

6. Berdasarkan novel tertentu, tunjukkan dan bincangkan hubungan antara dunia pengarang, masyarakat dan alam keliling.

7. Pengarang-pengarang novel Malaysia kurang menggunakan imej binatang di dalam karya-karya mereka. Beri pendapat anda berdasarkan contoh-contoh yang sesuai.

-ooo000ooo-